

07/05/2003

RM6 juta cungkil bakat muda

TEGURAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang prihatin dengan mutu bola sepak Malaysia jelas berakhir dengan nada positif apabila kerajaan bersetuju membelanjakan RM6 juta dalam tempoh empat tahun untuk program Tunas Cemerlang.

Program itu yang membabitkan perbelanjaan RM1.5 juta setahun akan digunakan sepenuhnya untuk mencungkil bakat muda pada peringkat akar umbi

sebagaimana dilakukan di kebanyakan negara kuasa besar bola sepak dunia termasuk Brazil, Belanda dan England.

Sebagai permulaan, program kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan-Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) itu akan membabitkan lebih 16 sekolah di seluruh negara.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein menjelaskan matlamat akhir program berkenaan adalah untuk melahirkan jaguh muda membabitkan 111 pusat latihan sehingga hujung 2006.

"Kementerian akan beri peruntukan RM1.5 juta untuk program ini tahun ini

membabitkan remaja berumur 13 dan 15 tahun. Sebahagian peruntukan itu akan

digunakan untuk futsal.

"Sebagai permulaan, kita akan cuba untuk bentuk 60 pusat latihan tahun ini," katanya kepada wartawan selepas bertemu Timbalan Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di Rumah Shahzan di Ampang semalam.

Hadir sama Naib Presiden FAM, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad.

Hishammuddin menjelaskan pertemuan lebih dua jam itu membincangkan masa

depan dan mencari formula terbaik bagi memulih serta menobatkan maruah bola sepak Malaysia selaku kuasa Asia pada era 50-an, 60 dan 70-an.